

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 21/10/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Angkasa Kenal Pasti Lokasi Projek Panel Solar Fasa Kedua

Tarikh kemaskini: 21/10/2017

YAN, 21 Okt (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengenal pasti beberapa lokasi di negeri ini yang berpotensi untuk pelaksanaan projek panel solar keduanya.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata antara lokasi yang sedang dalam pertimbangan pihaknya adalah daerah ini, Sungai Petani dan Jitra.

"Kita telah melaksanakan projek rintis panel solar ini di Sungai Tiang, Pendang yang mana kerja-kerja pembinaan telah bermula awal tahun lalu dan dijangka siap akhir tahun ini, sebelum memulakan operasi pada awal 2018.

"Projek terbabit sepenuhnya di bawah Angkasa. Bagaimanapun untuk fasa kedua ini, Angkasa sedia mempertimbangkan dan bekerjasama dengan koperasi-koperasi di bawah naungan kami yang berminat untuk turut serta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Sabena Berhad Kali Ke-36 2017/2018 di Kampung Acheh di sini hari ini.

Abdul Fattah berkata projek perintis panel solar di Sungai Tiang itu menelan belanja kira-kira RM10 juta bagi 1 Megawatt, dijangkakan memberi perolehan kira-kira RM200,000 sebulan, katanya.

Beliau berkata pihaknya memilih Kedah untuk pelaksanaan projek itu kerana negeri ini dilihat sebagai lokasi terbaik berikutan menerima cahaya matahari pada kadar yang tinggi.

-- BERNAMA